



Daing Nasir (berdiri, tiga dari kiri) bersama penaja pada majlis penyerahan tajaan 1st International UMP Eco Ride 2017 di Pekan, baru-baru ini.

Lebih 500 dijangka sertai pertandingan basikal di UMP

Pekan: Lebih 500 peserta dijangka menyertai 1st *International UMP Eco Ride 2017* di kampus Universiti Malaysia Pahang (UMP) Pekan pada 30 April ini.

Pertandingan dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Eco Ride 30km dan Eco Fun Ride 120 km.

Ia antara pengisian Karnival EcoFit@UMP bagi menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat dan mempromosi Tahun Melawat Pahang 2017 (TMP2017).

Dalam satu kenyataan media semalam, UMP berkata, program itu mendapat penajaan rakan strategik dan penaja, iaitu Isuzu Malaysia Sdn Bhd, KPJ Kuantan Specialist Hospital, UMP Holdings Sdn

Bhd dan Tourism Pahang.

"Lain-lain penaja ialah Heitech Padu Sdn Bhd, CCM Pharmaceutical Sdn Bhd, Aaina Yaqeen Sdn Bhd, I&P Group Sdn Bhd, Persatuan Alumni UMP dan Pusat Sukan dan Kebudayaan."

Orang ramai dijemput hadir

"Orang ramai dijemput hadir meriahkan karnival yang dipenuhi pelbagai acara menarik seperti ceramah kecerdasan, senamrobiik, eco walk dan derma darah," katanya.

Majlis penyerahan tajaan diadiri Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Pengerusi Eco Ride, Prof Madya Dr Hamzah Ahmad.